

15/08/2001

Seri Paduka utus tahniah kepada Presiden Korea

KUALA LUMPUR, Selasa - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Republik Korea Kim Dae-jung sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-56 negara itu, hari ini.

"Semoga kerajaan dan rakyat Republik Korea terus menikmati keamanan dan kestabilan bagi tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Lee Han-Dong berkata, hubungan dua hala antara kedua-dua negara meningkat sejak kebelakangan ini dalam pelbagai bidang terutama perdagangan dan pelaburan.

"Saya berharap hubungan rapat ini akan terus berkembang pada masa depan dan akan berusaha meningkatkan lagi hubungan sedia ada untuk manfaat bersama antara kedua-dua negara dan rakyat," katanya. - Bernama

(END)